



Anwar bersama Minh Chinh pada sidang media di Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

# Grid Tenaga ASEAN kejayaan utama sidang tahun ini

BERITA HARIAN 26 MAY 2025

**Kabel dasar laut  
dari Vietnam  
ke Malaysia dan  
Singapura bukan  
sekadar retorik**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Projek mega Grid Tenaga ASEAN yang menghubungkan kabel dasar laut dari Vietnam ke Semenanjung Malaysia dan seterusnya ke Singapura dilihat sebagai pencapaian paling signifikan Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kejayaan itu bukan sekadar pengumuman retorik, tetapi diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan program dan projek, sejajar dengan dasar peralihan tenaga negara.

“Projek gergasi Grid Tenaga ASEAN yang mana kabel dasar laut dari Vietnam ke Semenanjung dan melalui Grid Nasional kita ke Singapura, bagi saya antara kejayaan utama Sidang Kemuncak ASEAN tahun ini.

“Kita bukan sekadar membuat pengumuman yang mengagumkan mengenai projek besar, kerjasama atau usaha diplomatik, tetapi kali ini kita berjaya melaksanakannya melalui program dan projek yang berkesan, sejajar dengan dasar peralihan tenaga negara untuk tenaga alternatif di rantau ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada



**ASEAN  
MALAYSIA 2025  
INCLUSIVITY AND SUSTAINABILITY**

sidang media bersama Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh sempena lawatan rasmi rakan sejawatnya itu ke Malaysia di sini, semalam.

## Hargai sokongan Vietnam

Dalam pada itu, Anwar menzahirkan penghargaan atas sokongan berterusan Vietnam menerusi pelbagai inisiatif dua hala dan serantau, termasuk penyertaan dalam Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang menyaksikan kehadiran pasukan pertahanan negara itu sebagai tanda solidariti.

Perdana Menteri berkata, hubungan Malaysia-Vietnam juga kini berada pada tahap tertinggi selepas diperkukuh menerusi perkongsian strategik komprehensif tahun lalu.

“Dalam tempoh singkat, kerjasama (kedua-dua negara) berkembang dalam bidang pertanian, pendidikan, maritim serta keselamatan melalui operasi ber-

sama dan penyelarasan dasar keselamatan.

“Vietnam di bawah kepimpinan anda (Pham Minh Chinh) menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang luar biasa. Sebagai ahli ekonomi, anda berjaya memimpin negara yang bermula dari asas yang sangat rendah kepada pencapaian yang mengagumkan dan ini contoh yang kita boleh pelajari,” katanya.

Selain itu, beliau mengimbau detik bersejarah pada 1993 ketika menjadi Menteri Kewangan, apabila membawa masuk bank Malaysia yang pertama ke Vietnam dengan sokongan penuh pihak berkuasa negara itu.

“Semuanya didorong oleh keyakinan dan kepercayaan terhadap masa depan Vietnam dan hari ini, kita menyaksikan hasil daripada kepercayaan itu,” katanya.

Terdahulu, pagi semalam, Perdana Menteri dalam pertemuan dengan rakan sejawat dari Laos, Sonexay Siphandone, turut menyatakan persetujuan Malaysia dengan cadangan negara itu supaya fasa kedua projek Grid Tenaga ASEAN disegerakan bagi memberi manfaat kepada negara anggota blok berkenaan.

Anwar berkata, bagi fasa pertama projek itu, ia membabitkan kabel dasar laut dari Vietnam ke Utara Semenanjung, namun beliau bersetuju dengan cadangan Perdana Menteri Laos bahawa fasa kedua harus dipercepatkan.

“Ia supaya Laos, Kemboja, Thailand, Malaysia dan Singapura juga dapat menerima manfaat, manakala isu akan dibincangkan dalam pertemuan pemimpin ASEAN pada sesi pemu- kiman nanti,” katanya.